

29/07/1997

MEAA mahu tambah cawangan

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia (MEAA) akan menubuhkan cawangannya di setiap negeri sebagai usaha meningkatkan minat generasi muda dalam aktiviti rekreasi udara.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kementerian akan memberi sokongan kepada penubuhan kelab penerbangan itu di kalangan belia di bawah program Rakan Muda.

Menurutnya, kementerian juga akan bekerjasama dengan Jabatan Penerbangan Awam untuk mengenal pasti landasan kapal terbang yang sesuai dijadikan pusat kegiatan rekreasi Rakan Muda.

"Usaha ini diharap dapat menjadikan rekreasi udara sebagai satu hobi di kalangan anak muda di samping menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis melepaskan Rali Udara Utama Malaysia dan pelancaran Pesawat Terbang Eksperimen Rakan Muda oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi, di sini, hari ini.

Di bawah peraturan Persatuan Kapal Terbang Eksperimen (EAA) Antarabangsa, sekurang-kurangnya 10 anggota EAA diperlukan di setiap kawasan sebelum sesebuah cawangan boleh ditubuhkan.

Setakat ini, hanya dua cawangan EAA ditubuhkan, iaitu Chapter 1090 di Kuala Lumpur dan Chapter 1130, Langkawi.

Muhyiddin berkata, aktiviti rekreasi udara boleh menjadi pilihan utama generasi muda, manakala industri aviiasi dijangka berkembang pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau menggariskan empat objektif pembangunan rekreasi udara di kalangan generasi muda membabitkan membangkitkan minat dan menggalakkan penyertaan dalam rekreasi dan budaya penerbangan.

Selain itu, ia menekankan kemahiran dalam bidang rekreasi udara dan penerbangan, menyediakan kemudahan dan infrastruktur berkaitan rekreasi udara kepada belia dan menggalakkan pertumbuhan budaya serta industri penerbangan.

Mengenai Kitplane yang didaftarkan sebagai kapal terbang Eksperimen Rakan Muda (ERM), Muhyiddin berkata, pesawat itu dibina sendiri tujuh belia tempatan di bawah program pembangunan rekreasi udara Rakan Muda.

Menurutnya, mereka yang terbabit menjayakan projek ini menerima latihan pendedahan di Oshkosh, Amerika Syarikat selama lima minggu sebelum menyiapkan pesawat itu untuk pelancaran.

Pesawat ERM akan turut menyertai Konvensyen dan Pameran Fly-In Oshkosh East di Langkawi dari 4 hingga 8 Ogos ini.

Sementara itu, Dr Mahathir melepaskan 20 pesawat ringan daripada pelbagai negara sebagai memulakan kembara mereka ke beberapa negeri di Semenanjung Malaysia sebelum menyertai acara di Langkawi pada 4 Ogos.

Sebanyak 50 pesawat ringan lain akan menyertai rali itu di Alor Star dan dianggarkan lebih 100 pesawat akan berkumpul di Langkawi sempena konvensyen itu.

(END)